

30/08/1999

Petronas perlu buat keputusan sendiri - PM

PETRONAS perlu membuat keputusan sendiri sama ada untuk terus menaja atau sebaliknya pasukan Formula Satu (F1) Red Bull Sauber Petronas.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad, berkata beliau tidak boleh memberi cadangan supaya Petronas menaja pasukan lain.

"Itu satu keputusan yang mesti dibuat oleh Petronas. Mereka akan menilainya. Jika mahu meneruskan tajaan dengan Sauber, itu keputusan mereka.

"Jika mereka mahu menamatkannya dan meneruskan dengan pasukan lain, itupun keputusan mereka," katanya dalam sidang akhbar selepas melepaskan peserta Lumba Merdeka Antarabangsa 300KM Proton di Litar F1 Sepang, semalam.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan syarikat petroleum nasional negara menaja pasukan lain memandangkan persembahan "teruk" oleh pemandu Sauber dalam perlumbaan F1 musim ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh menghalang Petronas kerana ia merupakan projek syarikat itu.

Petronas menjadi penaja utama pasukan Red Bull Sauber Petronas sejak 1995. Bagi Petronas, pembabitan dalam F1 ialah kunci utama bagi mencapai dua objektif, iaitu meningkatkan imej dan kegiatannya dan kedua meningkatkan kemampuan teknikal dalam bidang berkaitan selain perniagaan asas mereka.

Selain memberi tajaan, Petronas dan Red Bull Sauber Holding sudah menubuhkan syarikat kerjasama berasaskan 40:60 yang dikenali sebagai Sauber Petronas Engineering AG (SPE) yang dapat memenuhi keperluan kejuruteraan pasukan Red Bull Sauber Petronas.

Dalam masa yang sama, kerjasama itu dapat menambah pulangan kepada tajaan pasukan itu dengan menyediakan peluang Petronas untuk meningkatkan pengetahuan asas dan kepakaran dalam sektor enjin, petroleum dan minyak pelincir serta teknologi komposit.

Ketika ditanya mengenai kebimbangan orang ramai terhadap faedah yang diperolehi apabila negara ini menganjurkan perlumbaan sulung F1 pada Oktober ini, Dr Mahathir berkata perlumbaan itu disaksikan kira-kira 300 juta orang dan disiarkan menerusi televisyen di lebih 50 negara.

"Jika anda menilai berapa banyak nilai jumlah masa siaran, jika anda mengetengahkan Malaysia kepada 300 juta orang, anda dapat gambaran nilai perlumbaan F1," katanya.

Perdana Menteri berkata semua perkara mengenai Malaysia akan ditonjolkan ketika acara itu bermula dari latar belakang mengenai negara tuan rumah.

"Jadi, daripada segi wang pelancong, ia akan membawa jumlah yang besar dalam jangka panjang," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau turut dimaklumkan yang kebanyakan tempat duduk di Sirkuit F1 Sepang sudah ditempah oleh orang asing, termasuk yang paling mahal berharga lebih kurang AS\$4,000.

Katanya, ini akan membawa banyak pendapatan daripada pelancong bukan sahaja kepada kerajaan tetapi juga hotel-hotel dan industri lain.

Malaysia, katanya, juga berminat menganjurkan acara antarabangsa lebih kurang sama yang ia mampu kendalikan.

Ditanya bila negara akan mempunyai pemandu F1, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu bila ia akan berlaku dan menambah ia adalah kemahiran yang perlu dimiliki.

Menurutnya, pemandu F1 patut bermula dari perlumbaan go-kart sebelum beralih ke perlumbaan lain dan kemuncaknya ialah F1.

"Seperti yang anda tahu, ramai pemandu F1 ialah bekas pelumba go-kart,"
katanya.

(END)